



Title of the Product/Project

PRODUK APLIKASI PEMBELAJARAN: INTERNET MUAMALAT EASY (i-Me)

Group member

Hadenan bin Towpek (Dr.)

Aemy Bin Aziz

Afifah Binti Azmi

Masitah Binti Omar

Mohd Zuhaili Bin Kamal Basir



Logo Produk

ABSTRACT

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia, produk ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan mendesak dalam P&P dalam bidang muamalat khususnya bagi kod subjek ISC150 dan CTU241. Terma 'easy' merujuk kepada mudah diakses, dilayari dan difahami melalui aplikasi telefon pintar. Dengan berasaskan kajian tindakan, produk ini dibangunkan dan dengan 6 bahagian utama, iaitu asas fiqh muamalat, akad muamalat, akad yang ditegah, kamus mini muamalat, latihan dan kuiz, dan doa kejayaan dalam muamalat. Dapatan menunjukkan majoriti responden (70%) menyatakan persetujuan bahawa produk aplikasi i-Me ini memberi manfaat kepada mereka, sementara bakinya (30%) menyatakan kurang bersetuju dan menyatakan produk ini masih ada ruang-ruang penambahbaikan dengan mengambilkira sistem penyampaian yang lebih mesra pengguna.


INTRODUCTION

Produk aplikasi i-Me ini merupakan satu aplikasi mudah berkaitan pembelajaran mengenai muamalat. Ia dibangunkan khususnya bagi memenuhi keperluan pembelajaran pelajar UiTM di negeri Sarawak yang turut terjejas akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac 2020 lagi. Perkara ini menimbulkan pergerakan secara fizikal dihadkan, dan kesukaran mengadakan sesi pembelajaran dan proses mendapatkan bahan rujukan akibat daripada capaian internet yang lemah. Tambahan pula jumlah ahli keluarga yang ramai bergantung kepada alat komunikasi yang terpaksa berkongsi bersama. Begitu juga masalah liputan rangkaian internet yang lemah dan tidak stabil. Justeru, produk ini dibangunkan sebagai produk pembelajaran dalam bidang muamalat.

METHODOLOGY


Pembangunan aplikasi i-Me ini berasaskan kajian tindakan (*action research*) dimana masalah kajian dikenal-pasti terlebih dahulu, kemudian data-data yang berkaitan dikumpul bagi merangka alternatif penyelesaian masalah (Uma Sekaran & Roger Bougie (2013). Jay Alden (2012) menyatakan bahawa penggunaan yang meluas peranti dan aplikasi telefon pintar telah membantu dan memudahkan untuk mengakses maklumat dan mengubah cara manusia berkomunikasi, bekerja dan belajar. Justeru, produk ini dibangunkan berdasarkan 5 tahap sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1. Terdapat 50 maklum-balas diterima daripada responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Pengurusan Halal (25 responden) Kampus Samarahan 2, dan Diploma Perbankan (25 responden) Kampus Mukah. Dapatan menunjukkan majoriti responden iaitu 70% menyatakan persetujuan bahawa produk aplikasi i-Me ini memberi manfaat kepada mereka, sementara 30% responden menyatakan kurang bersetuju dan menyatakan produk ini masih ada ruang-ruang penambahbaikan dengan mengambilkira sistem penyampaian yang lebih mesra pengguna.

PRODUCT DESCRIPTION/ INNOVATION IN BRIEF



METHODOLOGY

Rajah 1



SHARIAH COMPLIANCES

Produk aplikasi i-Me ini dibangunkan dengan berpandukan sumber-sumber rujukan shariah yang berautoriti dalam bidang muamalat sama ada dari sumber bahasa Melayu mahupun bahasa Arab. Selain itu, ia juga dibuat semakan silang antara di kalangan pensyarah, dan rekomendasi dari penganjur seminar/editor jurnal.



"LEADING INNOVATION"

SIGNIFICANCES

1. *Rekabentuk yang ringkas.* Produk aplikasi i-Me ini distruktur secara mudah dan ringkas supaya para pengguna dengan mudah dapat akses aplikasi ini. Ia juga disusun secara sistematik dan teratur.
2. *Sambutan Menggalakkan Pengguna.* Dapatan survei menunjukkan majoriti responden iaitu 70% responden menyatakan persetujuan bahawa produk aplikasi i-Me ini memberi manfaat kepada mereka.
3. *Perkembangan revolusi digital.* Pelancaran aplikasi i-Me sebagai alternatif pembelajaran dalam bidang muamalat bagi menyokong perkembangan revolusi digital dalam suasana cabaran PKP sehingga sekarang ini.
4. *Pengguna didorong mendapatkan lebih maklumat.* Menerusi aplikasi i-Me ini pengguna didorong untuk menguasai aspek muamalat secara lebih komprehensif berasaskan sumber rujukan ilmiah yang tulen dan muktabar.
5. *Menutar cabaran menjadi peluang.* Sungguhpun aplikasi i-Me ini mendapat sambutan baik namun ia juga tidak menafikan berhadapan cabaran aplikasi ODL, namun penyelidikan mengambil langkah progresif bagi menutar cabaran ini menjadi peluang untuk diterokai.

NOVELTY/ ORIGINALITY

1. Produk aplikasi i-Me ini dibangunkan secara khusus bagi keperluan pelajar yang mengambil kursus kod ISC150 dan CTU241 bagi mempelajari dan memahami aspek muamalat dan transaksi kewangan secara teori dan praktikal. Ia dibangunkan secara atas talian melalui pautan *Google Site* supaya mudah diakses sama ada secara online atau offline.
2. Aplikasi i-Me ini dapat membantu para pengguna dalam memahami definisi dan konsep fiqh muamalat serta kaedah-kaedah fiqhiyah yang utama.
3. Ia juga akan memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pengguna mengenai akad muamalat yang dibenarkan dan yang ditegah.
4. Aplikasi i-Me ini juga dibekalkan mini kamus muamalat dan amalan doa memohon kejayaan dalam muamalat.

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS

